

01/04/2002

Penambakan laut: Singapura terus berdolak-dalik

KUALA LUMPUR, Ahad - Singapura terus berdolak dalik mengenai isu penambakan laut di Selat Tebrau dengan mengeluarkan kenyataan terbaru bagi menjelaskan pendirian pemimpin republik itu yang dikatakan telah disalah tafsir pihak Malaysia.

Kementerian Hal Ehwal Luar Singapura dalam kenyataan yang diedarkan Suruhanjaya Tinggi Singapura hari ini, menjelaskan Timbalan Perdana Menteri, Lee Hsien Loong, ketika lawatannya ke Malaysia, baru-baru ini, tidak menawarkan untuk menimbangkan bagi menghentikan penambakan laut itu.

Sebaliknya, kementerian itu menjelaskan apa yang dinyatakan Lee ketika perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta pemimpin Malaysia lain ialah semua kerja penambakan itu dijalankan dalam kawasan perairan Singapura serta mengikut undang-undang antarabangsa.

Beliau berkata, Lee juga menyatakan Malaysia boleh menghantar nota bantahan jika bimbang dengan kerja penambakan itu dan Singapura akan mempertimbangkannya.

"Adalah tidak betul untuk menyatakan bahawa Timbalan Perdana Menteri, Lee Hsien Loong, menawarkan untuk menimbangkan bagi menghentikan penambakan laut itu.

"Pendirian ini kekal. Apabila Malaysia menghantar nota mereka kepada kami, Singapura akan menimbangkannya dengan berhati-hati," katanya sebagai mengulas kritikan pemimpin Malaysia terhadap sikap enggan bekerjasama Singapura berhubung isu itu.

Kelmarin, Perdana Menteri membidas Singapura kerana keengganan Singapura bertolak ansur dengan terus menambak lautnya di Selat Tebrau hingga menjejaskan perairan dikongsi bersama Malaysia.

"Kalau Singapura nak kita kerjasama dengan dia, dia mesti bekerjasama dengan kita. Kalau dia buat ikut suka hati dia, kita pun boleh buat ikut suka hati kita juga... ini tak baik," kata Dr Mahathir mengulas kenyataan Menteri Pembangunan Negara Singapura, Mah Bow Tan.

Mah sebelum itu memberitahu Parlimen Singapura, mereka akan terus menambak laut, walaupun menerima rungutan Malaysia yang risau ia menjejaskan laluan kapal dan alam sekitar di perairan itu.

Dr Mahathir ketika ditanya sama ada Malaysia akan meminta Singapura menghentikan penambakan itu buat sementara hingga pertikaian mengenainya selesai, berkata:

"Tak tahulah. Timbalan Perdana Menteri Singapura (Lee Hsien Loong) datang sini, dia kata nak timbang tetapi dengar menteri lain (Mah) kata nak teruskan juga. Jadi payahlah sikit. Kita pun tak boleh bagi kerjasama kalau dia orang tak bagi kerjasama."

Jurucakap Kementerian Hal Ehwal Luar Singapura itu berkata, ucapan tambahan Mah, sepertimana ucapan tambahan menteri lain, kepada Ucapan Presiden pada perasmian Parlimen Singapura itu adalah kenyataan umum mengenai dasar negara.

Justeru, katanya, dalam konteks Dasar Penggunaan Tanah, ia menyatakan: "Untuk memenuhi peningkatan tuntutan bagi tanah, MND (Kementerian Pembangunan Negara) juga akan meneruskan program penambakan tanah dari kawasan perairan kita."

(END)